

04/05/1998

Nadi 98 bersedia jayakan Sukom

KUALA LUMPUR, Ahad - Sukarelawan Nadi 98 sudah bersiap sedia memikul tugas menjayakan Sukan Komanwel XVI (Sukom) pada September ini dengan ikrar akan melaksanakan tanggungjawab yang mencerminkan budaya rakyat Malaysia.

Kebanyakan sukarelawan yang ditemui selepas majlis perjumpaan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Pusat Pameran Mines di sini hari ini memberi jaminan akan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.

Kakitangan kerajaan, Musa Bachik, 36, berkata masalah dan kesibukan kerja serta tempat tinggal yang jauh dari perkampungan Sukom bukan penghalang bagi beliau turut serta menjayakan kejohanan itu.

"Sebagai warga Malaysia, kita seharusnya memberi sokongan padu bagi menjayakan temasya itu, malah kita juga perlu membahagikan masa dengan baik supaya berpeluang menyertai peristiwa bersejarah itu.

"Majikan juga seharusnya memberi sokongan kepada pekerja yang ingin menyertai peristiwa itu kerana ia julung kali diadakan terutama kejohanan kali ini menampilkan negara sebagai tuan rumah," katanya.

Pekerja kilang, Zainal Abidin Abu Hassan, 43, berkata rakyat seharusnya sedar mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam membantu negara menjayakan sukan itu.

"Ini adalah peluang terbaik untuk masyarakat membuktikan kesetiaan dan keprihatinan mereka sebagai warga negara," katanya.

Pegawai kewangan, Normah Mohd Salleh, 40, berkata saranan Perdana Menteri memberikan keyakinan bahawa Nadi 98 mampu mempamerkan imej terbaik negara.

"Mendengar amanat Perdana Menteri sebentar tadi, saya berasa tidak sabar lagi untuk melaksanakan tugas sebagai sukarelawan yang menjadi nadi Sukom 98," katanya.

Menurutnya, budaya sukarelawan perlu dipupuk di kalangan masyarakat bagi memastikan negara sentiasa dipandang mulia dan dihormati dunia.

Kakitangan kerajaan, Mohd Asri Deraman, 43, berkata tugas sebagai sukarelawan dapat memupuk nilai murni walaupun mereka yang berkhidmat tidak dibayar gaji atau menerima sebarang keistimewaan.

"Nilai murni yang akan dipamerkan dapat mencerminkan imej baik kepada pelawat asing dengan mengetengahkan Malaysia sebagai sebuah negara bertamadun tinggi," katanya.

(END)